NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA

(No. Sebut Harga : PPj/JB/SH(S)/0025/2026)

Tajuk Sebut Harga :

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN JAMBATAN BEBO DAN INTERCHANGE DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA UNTUK TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor** sahaja, dan berdaftar di dalam **Gred G4, Kategori KEJURUTERAAN AWAM (CE), Pengkhususan CE21 (Pembinaan kejuruteraan awam)** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini. Surat kebenaran khas dari CIDB adalah **TIDAK** dibenarkan.

2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **21 OKTOBER 2026 (RABU)**, **jam 02:30 PETANG** di **Bilik Mesyuarat Cemara, Aras C5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat** atau **individu yang diberi kuasa** oleh syarikat bagi urusan perolehan Kerajaan seperti di dalam SPKK adalah diwajibkan. Sila bawa bersama **Sijil PPK, SPKK, Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Cap Syarikat** semasa sesi taklimat.

3. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli bermula **26 OKTOBER 2026 (ISNIN)** hingga **29 OKTOBER 2026 (KHAMIS)** dengan bayaran **RM100.00** secara atas talian (online) melalui laman **web https:// perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage**.

4. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe,Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya** sebelum jam **12.00 TENGAH HARI** pada **10 NOVEMBER 2026 (SELASA)**.

5. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my

6. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat https://www.ppj.gov.my, portal MyPROCUREMENT https://myprocurement.treasury.gov.my dan portal JPM https://www.jpm.gov.my/ms/tender-sebutharga.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak) di laman web **https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/ landingpage**. Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen sebut harga**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sebarang urusan/pertanyaan mengenai sistem COINS, sila kemukakan e-mel ke alamat bantuan.coins@ppj.gov.my.

Notis ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.